

05 NOV 1998

Ling-Undi

TIMBANG SECARA SERIUS JIKA INGIN UNDI PEMBANGKANG -- DR LING

KOTA BAHARU, 5 Nov (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Leong Sik berkata rakyat perlu membuat pertimbangan yang lebih serius sekiranya ingin mengundi pembangkang pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata ini kerana pemimpin di kalangan parti pembangkang belum menampakkan kemampuan untuk menerajui negara ini.

"Rakyat kena timbang dengan serius apa akan berlaku jika Barisan Nasional (BN) menang dan jika pembangkang menang.

"Kalau BN menang kita boleh nampak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menjadi Perdana Menteri, seorang yang disanjung tinggi bukan sahaja oleh rakyat Malaysia tetapi oleh pemimpin negara luar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan ulang tahun MCA ke-49 di sini malam tadi.

Dr Ling berkata BN telah mempunyai senarai pemimpin yang berpengalaman dalam memimpin negara dengan baik, bertanggungjawab dan mendapat kerjasama antara kaum.

"Ini yang paling penting khasnya dalam masyarakat majmuk di Malaysia," katanya.

Sementara itu, Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata kadar kemalangan maut akibat kemalangan jalan raya di negara ini telah berkurangan sebanyak enam peratus.

Ini menunjukkan pentanda baik dalam usaha menangani masalah kemalangan jalan raya, katanya.

Beliau berkata pengurangan jumlah kematian itu disebabkan keberkesanan kempen keselamatan jalan raya khususnya yang dijalankan oleh polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

"Kempen-kempen berkenaan seperti Ops Pacak, telah menyebabkan orang ramai lebih berhati-hati dan bertanggungjawab semasa di jalan raya," katanya.

Beliau menasihati penunggang dan pembonceng motosikal yang merupakan golongan paling tinggi terbabit dalam kemalangan jalan raya supaya sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas dan mengikuti kempen keselamatan yang dianjurkan.

-- BERNAMA

BD NMO